

**PENGUMUMAN TRAFIK  
17 OGOS 2020**

**1. PENUTUPAN LORONG SECARA BERPERINGKAT DI JALAN IPOH (ARAH KUALA LUMPUR) SELEPAS PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN GUNUNG SEMANGGOL HINGGA KE PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN BATU KENTONMEN**

<b>Tarikh</b>	19 Ogos 2020 – 31 Oktober 2020
<b>Masa</b>	24 jam
<b>Jangka masa</b>	2 bulan 22 hari
<b>Tujuan</b>	Untuk kerja-kerja menaik taraf jalan, kerja-kerja perparitan dan sebarang kerja berkaitan.

Untuk makluman, penutupan lorong **secara berperingkat** di Jalan Ipoh (Arah Kuala Lumpur) selepas persimpangan lampu isyarat Jalan Gunung Semanggol hingga ke persimpangan lampu isyarat Jalan Batu Kentonmen akan bermula dari **19 Ogos 2020 hingga 31 Oktober 2020**. Tempoh masa untuk kerja-kerja adalah **24 jam, selama 2 bulan 22 hari**.

Penutupan melibatkan **lorong tengah (Peringkat 1)** dan **lorong paling kiri (Peringkat 2)**. Semasa penutupan dilaksanakan, dua lorong masih boleh digunakan oleh pengguna jalan raya untuk ke arah Kuala Lumpur pada setiap masa (seperti yang ditunjukkan anak panah **HIJAU** dalam Peta 1(A) dan Peta 1(B).

Pengguna jalan raya dinasihatkan untuk mematuhi arahan papan tanda trafik dan pengawal bendera yang bertugas. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk peta di bawah.


**1. LANE CLOSURE BY STAGES AT JALAN IPOH (KUALA LUMPUR-BOUND) AFTER JALAN GUNUNG SEMANGGOL TRAFFIC LIGHT JUNCTION UNTIL JALAN BATU KENTONMEN TRAFFIC LIGHT JUNCTION**

<b>Date</b>	19 August 2020 – 31 October 2020
<b>Time</b>	24 hours
<b>Duration</b>	2 months 22 days
<b>Reason</b>	To facilitate road works, drainage works and any other related works.


Please be advised that lane closure by **stages** at Jalan Ipoh (Kuala Lumpur-bound) after the Jalan Gunung Semanggol traffic light junction until the Jalan Batu Kentonmen traffic light junction will begin from **19 August 2020 to 31 October 2020**. Construction works will be carried out within a **24-hour period over 2 months 22 days**.

During the closures which involve the **middle lane (Stage 1)** and **left-most lane (Stage 2)**, there will be two lanes made available at all times for motorists heading towards Kuala Lumpur (as indicated by **GREEN** arrows in the appended Map 1(A) and Map 1(B)).

Motorists are advised to follow traffic signage and the direction of flagmen during the activation of the road closures. For further information, please refer to the maps below.



**PETA 1(A) (PERINGKAT 1) : PENUTUPAN LORONG SECARA BERPERINGKAT DI JALAN IPOH (ARAH KUALA LUMPUR) SELEPAS PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN GUNUNG SEMANGGOL HINGGA KE PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN BATU KENTONMEN**



**PETA 1(B) (PERINGKAT 2) : PENUTUPAN LORONG SECARA BERPERINGKAT DI JALAN IPOH (ARAH KUALA LUMPUR) SELEPAS PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN GUNUNG SEMANGGOL HINGGA KE PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN BATU KENTONMEN**

## 2. PENUTUPAN JALAN SECARA BERKALA DI JALAN ST. THOMAS, BERDEKATAN PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN ST. THOMAS DAN JALAN IPOH (ARAH KUALA LUMPUR)

<b>Tarikh</b>	19 Ogos 2020 – 30 September 2020
<b>Masa</b>	10:00malam – 6:00pagi
<b>Jangka masa</b>	42 hari
<b>Tujuan</b>	Untuk kerja- kerja pemasangan jambatan utiliti dan sebarang kerja yang berkaitan.

Untuk makluman, penutupan lorong **secara berkala** di Jalan St. Thomas, berdekatan persimpangan lampu isyarat Jalan St. Thomas dan Jalan Ipoh (Arah Kuala Lumpur) akan bermula dari **19 Ogos 2020 hingga 30 September 2020**. Tempoh masa untuk kerja-kerja akan bermula dari **10:00 malam – 6:00 pagi selama 42 hari**. Pelan pengurusan lalu lintas melibatkan penutupan seperti berikut:

### **Peta 2(A) (Penutupan 1):**

**Penutupan penuh di Jalan St. Thomas.** Semasa penutupan, pengguna jalan raya di Jalan Ipoh dari Kuala Lumpur yang ingin menghala ke Taman Kaya perlu membuat pusingan-U di persimpangan Jalan Batu Kentonmen kemudian belok kiri ke Jalan Khalsa seperti yang ditunjukkan oleh anak panah **BIRU** dalam peta. Manakala bagi pengguna jalan raya dari Taman Kaya yang ingin ke Jalan Ipoh (Arah Kuala Lumpur) perlu melalui laluan alternatif iaitu melalui Jalan Vethavanam/Jalan Khalsa.

### **Peta 2(B) (Penutupan 2):**

**Penutupan penuh arah Kuala Lumpur selepas persimpangan lampu isyarat Jalan St. Thomas hingga ke Persiaran Parkview.** Semasa penutupan, pengguna jalan raya yang ingin menuju ke Persiaran Parkview atau Jalan Ipoh (Arah Kuala Lumpur) akan dilencongkan ke arah persimpangan lampu isyarat Jalan St. Thomas untuk mengikut aliran kontra seperti yang ditunjukkan oleh anak panah **HIJAU**. Manakala bagi pengguna jalan raya di Jalan Ipoh dari Kuala Lumpur yang ingin menghala ke Jalan St. Thomas perlu membuat pusingan-U di persimpangan Jalan Batu Kentonmen seperti yang ditunjukkan oleh anak panah **UNGU** dalam peta.

### **Peta 2(C) (Penutupan 3):**

**Penutupan penuh persimpangan lampu isyarat Jalan St. Thomas.** Semasa penutupan, pengguna jalan raya di Jalan Ipoh dari Kuala Lumpur yang ingin menuju ke Jalan St. Thomas dan Persiaran Parkview perlu membuat pusingan-U di persimpangan Jalan Batu Kentonmen sebagai laluan alternatif seperti yang ditunjukkan oleh anak panah **UNGU** di dalam peta.

Pengguna jalan raya dinasihatkan untuk mematuhi arahan papan tanda trafik dan pengawal bendera yang bertugas. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk peta di bawah.

## 2. INTERMITTENT ROAD CLOSURES AT JALAN ST. THOMAS NEARBY THE TRAFFIC LIGHT JUNCTION OF JALAN ST. THOMAS AND JALAN IPOH (KUALA LUMPUR-BOUND)

<b>Date</b>	19 August 2020 – 30 September 2020
<b>Time</b>	10:00pm – 6:00am
<b>Duration</b>	42 days
<b>Reason</b>	To facilitate the launching of utility bridge and any other related works.

Please be advised that **intermittent** road closures at Jalan St. Thomas nearby the traffic light junction of Jalan St. Thomas and Jalan Ipoh (Kuala Lumpur-Bound) will begin from **19 August 2020 to 30 September 2020**. Construction works will be carried out from **10:00pm – 6:00am over a period of 42 days**. The traffic management plan involves the following closures:

### Map 2(A) (Closure 1):

**Closure of Jalan St. Thomas.** During this closure, motorists on Jalan Ipoh coming from Kuala Lumpur and heading towards Taman Kaya need to make a U-turn at Jalan Batu Kentonmen junction and then turn into Jalan Khalsa (as indicated by **BLUE** arrows in the appended map). Meanwhile, motorists from Taman Kaya heading toward Jalan Ipoh (Kuala Lumpur-bound) can use Jalan Vethavanam/ Jalan Khalsa as an alternative route.


### Map 2(B) (Closure 2):

**Full bound closure of Jalan Ipoh (Kuala Lumpur-bound) after the traffic light junction of Jalan St. Thomas to Persiaran Parkview.** During this closure, motorists heading towards Persiaran Parkview or Jalan Ipoh (Kuala Lumpur-bound) will be diverted through the Jalan St. Thomas traffic light junction and use the contraflow (as indicated by **GREEN** arrows in the appended map). Meanwhile, motorists on Jalan Ipoh from Kuala Lumpur heading to Jalan St. Thomas need to make a U-turn at the Jalan Batu Kentonmen junction (as indicated by **PURPLE** arrows in the appended map).


### Map 2(C) (Closure 3):

**Closure of Jalan St. Thomas traffic light junction.** During this closure, motorists on Jalan Ipoh from Kuala Lumpur heading to Jalan St. Thomas and Persiaran Parkview need to make a U-turn at the Jalan Batu Kentonmen junction (as indicated by **PURPLE** arrows in the appended map).


Motorists are advised to follow traffic signage and the direction of flagmen during the activation of these road closures. For further information, please refer the maps below.



**PETA 2(A) (PENUTUPAN 1) : PENUTUPAN JALAN BERKALA DI JALAN ST. THOMAS, BERDEKATAN PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN ST. THOMAS DAN JALAN IPOH (ARAH KUALA LUMPUR)**



**PETA 2(B) (PENUTUPAN 2) : PENUTUPAN JALAN BERKALA DI JALAN ST. THOMAS, BERDEKATAN PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN ST. THOMAS DAN JALAN IPOH (ARAH KUALA LUMPUR)**



**PETA 2(C) (PENUTUPAN 3) : PENUTUPAN JALAN BERKALA DI JALAN ST. THOMAS, BERDEKATAN PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN ST. THOMAS DAN JALAN IPOH (ARAH KUALA LUMPUR)**

### 3. LANJUTAN PENUTUPAN PENUH DAN PENGAKTIFAN LALUAN KONTRA SECARA BERPERINGKAT DI SEPANJANG JALAN UTAMA (ARAH SERI KEMBANGAN DAN ARAH SUNGAI BESI) DAN DI SEPANJANG JALAN BESAR (ARAH THE MINES), SERDANG RAYA

<b>Tarikh</b>	19 Ogos 2020 – 18 November 2020
<b>Masa</b>	11:00 malam – 5:00 pagi
<b>Jangka masa</b>	3 bulan
<b>Sebab</b>	Untuk menjalankan kerja-kerja trek dan sebarang kerja berkaitan

Untuk makluman, penutupan penuh dan **pengaktifan laluan kontra secara berperingkat** di sepanjang Jalan Utama (Arah Seri Kembangan dan Arah Sungai Besi) dan di sepanjang Jalan Besar (Arah The Mines) akan dilanjutkan dari **19 Ogos 2020 hingga 18 November 2020**. Tempoh masa untuk kerja-kerja adalah **11:00 malam - 5:00 pagi, selama 3 bulan**. Pelan pengurusan trafik adalah seperti berikut:

**Peringkat 1 - PETA (3A):** Semasa penutupan penuh sepanjang 200 meter di sepanjang Jalan Utama (Arah Seri Kembangan) berhampiran Stesen Minyak Petron, **pengguna jalan raya yang ingin menuju ke The Mines** akan dilencongkan ke laluan kontra di Jalan Utama (Arah Sg Besi) (seperti yang ditunjukkan oleh anak panah **UNGU** dalam peta).

**Peringkat 2 - PETA (3B):** Semasa penutupan penuh sepanjang 80 meter di sepanjang Jalan Besar (Arah The Mines) bersebelahan Stesen Minyak Petron, **pengguna jalan raya yang ingin menuju ke The Mines** akan dilencongkan ke laluan kontra di Jalan Besar (Arah Seri Kembangan) **manakala pengguna jalan raya yang ingin menuju ke Sungai Besi** akan dilencongkan ke jalan dalam Stesen Minyak Petron (seperti yang ditunjukkan oleh anak panah **UNGU** dalam peta).

**Peringkat 3 - PETA (3C):** Semasa penutupan penuh sepanjang 80 meter di sepanjang Jalan Besar (Arah Seri Kembangan), **pengguna jalan raya yang ingin menuju ke Seri Kembangan** akan dilencongkan ke laluan kontra (Arah The Mines) (seperti yang ditunjukkan oleh anak panah **UNGU** dalam peta).

**Penutupan akan dilaksanakan secara berperingkat dan hanya ada satu penutupan sahaja dalam satu masa.**

Pengguna jalan raya dinasihatkan untuk mematuhi arahan papan tanda trafik dan pengawal bendera yang bertugas. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk peta di bawah.



### 3. CONTINUATION OF FULL LANE CLOSURE AND CONTRA FLOW ACTIVATION BY STAGES ALONG JALAN UTAMA (SERI KEMBANGAN BOUND AND SUNGAI BESI BOUND) AND ALONG JALAN BESAR (THE MINES BOUND), SERDANG RAYA

<b>Date</b>	19 August 2020 – 18 November 2020
<b>Time</b>	11:00pm – 5:00am
<b>Duration</b>	3 months
<b>Reason</b>	To facilitate system track works and any other related works.

The full lane closure and **activation of contra flow by stages** will continue along Jalan Utama (Seri Kembangan-bound and Sungai Besi-bound) and along Jalan Besar (The Mines-bound) from **19 August 2020 until 18 November 2020, for 3 months**. The traffic management plans as below:

**Stage 1 – MAP (3A):** During the full bound closure for a stretch of 200 metres along Jalan Utama (Seri Kembangan-bound) nearby Petron Petrol Station, motorists heading to The Mines will be diverted to the provided contra flow at Jalan Utama (Sungai Besi-bound) (as indicated by **PURPLE** arrows in the map).

**Stage 2 – MAP (3B):** During the full bound closure for a stretch of 80 metres along Jalan Besar (The Mines-bound) next to Petron Seri Kembangan 3, **motorists heading to The Mines** will be diverted to the provided contra flow at Jalan Besar (Seri Kembangan-bound) while **motorists heading to Sungai Besi** will be diverted to the inner road of Petron Seri Kembangan 3 (as indicated by **PURPLE** arrows in the map).


**Stage 3 – MAP (3C):** During the full bound closure for a stretch of 80 metres along Jalan Besar (Seri Kembangan-bound), **motorists heading to Seri Kembangan** will be diverted to the provided contra flow at Jalan Besar (The Mines-bound) (as indicated by **PURPLE** arrows in the map).

**All closures will be conducted by stages and there will be only one closure at one time.**


Motorists are advised to follow the traffic signage and flagmen during road closure. For further information, please refer to the appended maps.



**PETA 3(A): PENUTUPAN PENUH DAN PENGAKTIFAN LALUAN KONTRA SECARA BERPERINGKAT DI SEPANJANG JALAN UTAMA (ARAH SERI KEMBANGAN)**



**PETA 3(B): PENUTUPAN PENUH DAN PENGAKTIFAN LALUAN KONTRA SECARA BERPERINGKAT DI SEPANJANG JALAN BESAR (ARAH THE MINES)**



**PETA 3(C): PENUTUPAN PENUH DAN PENGAKTIFAN LALUAN KONTRA SECARA BERPERINGKAT DI SEPANJANG JALAN BESAR (ARAH THE MINES)**

**For media enquiries, please contact:**

- |                                |                       |                         |
|--------------------------------|-----------------------|-------------------------|
| Shera Choo (Item 1-2)          | Tel: +6012-290 1992   | sherachoo@ijm.com       |
| Juliana J. Tan (Item 3)        | Tel: +6019 - 355 8322 | juliana@gadang.com.my   |
| Mohar Zainal Abidin (Item 1-3) | Tel: +603 7493 3961   | Mohar@mgjv-kvmrt.com.my |

**MMC GAMUDA KVMRT (PDP SSP) SDN BHD (1117100-V)**  
 Block A, Level 17, Menara Mustapha Kamal, PJ Trade Centre  
 No 8, Jalan PJU 8/8A, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya  
 Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
 T: +603-7494 2222 F: +603-7727 0222 [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my)